

## **ATURAN TABUNG SIMPANAN KHAS**

### **1. TAJUK**

- 1.1. Aturan ini hendaklah dinamakan ATURAN TABUNG SIMPANAN KHAS Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad
- 1.2. Aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 9(3) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini pada 28 April 2015 dan dikemukakan kepada Suruhanjaya.

### **2. TAFSIRAN**

Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

- (a) 'Akta' maknanya Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007).
- (b) 'Anggota' maknanya anggota Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad.
- (c) 'Aturan' maknanya Aturan-aturan Pinjaman Pengguna (Al Bai'u Bithaman Aajil) Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad.
- (d) 'Koperasi' ertinya Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad
- (e) 'Lembaga' ertinya Lembaga Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad
- (f) 'Pekerja' maknanya pekerja Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad.
- (g) 'Pelaburan' ertinya menggunakan wang atau modal untuk membeli aset, syer atau sekuriti, dsb dengan harapan untuk mendapatkan keuntungan pada masa hadapan;
- (h) "Suruhanjaya" maknanya Suruhanjaya Koperasi Malaysia

### **3. TUJUAN.**

- 3.1. Tabung Simpanan Khas diwujudkan bagi menjalankan semua aktiviti pembiayaan pinjaman koperasi.
- 3.2. Tabung Simpanan Khas ini tidak boleh menjalankan lain-lain aktiviti pelaburan atau pemiagaan

### **4. DANA TABUNG SIMPANAN KHAS**

Dana bagi pembiayaan aktiviti-aktiviti tabung ini adalah dari:-

- 4.1. Yuran Anggota.

#### 4.2. Simpanan Khas Anggota

### 5. PENTADBIRAN

Kumpulan Wang ini ditadbir oleh Jawatankuasa/satu unit yang dilantik oleh Lembaga di bawah undang-undang kecil 44(2)(w).

### 6. PELAKSANAAN

6.1. Segala Aktiviti Tabung Simpanan khas ini hendaklah mematuhi kehendak syariat (shariah compliance)

### 7. PERTIKAIAN


7.1. Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran Aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya menurut undang-undang kecil 82 Koperasi ini.

### 8. PINDAAN KEPADA ATURAN-ATURAN INI

8.1. Aturan-aturan ini hendaklah dibaca bersama Undang-undang kecil Koperasi dan Akta serta Peraturan-peraturan.

8.2. Lembaga Koperasi ini, dengan persetujuan Mesyuarat Agung dan Ketua Pendaftar Koperasi, bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam peraturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan skim ini.


Diakui inilah Aturan-aturan yang dibentangkan dan diterima oleh Mesyuarat Agung Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad pada 28 April 2015.



PENGERUSI



SETIAUSAHA



BENDAHARI

## **ATURAN PEMBIAYAAN SIMPANAN KHAS**

### **1. TAJUK**

- 1.1. Aturan ini hendaklah dinamakan ATURAN PEMBIAYAAN SIMPANAN KHAS Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad
- 1.2. Aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 9(3) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini pada 28 April 2015 dan dikemukakan kepada Suruhanjaya.

### **2. TAFSIRAN**

Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

- (a) 'Akta' maknanya Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007).
- (b) 'Anggota' maknanya anggota Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad.
- (c) 'Aturan' maknanya Aturan-aturan Pinjaman Pengguna (Al Bai'u Bithaman Aajil) Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad.
- (d) 'Koperasi' ertinya Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad
- (e) 'Lembaga' ertinya Lembaga Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad
- (f) 'Pekerja' maknanya pekerja Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad dan pekerja subsidiari Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad.
- (g) 'Pelaburan' ertinya menggunakan wang atau modal untuk membeli aset, syer atau sekuriti, dsb dengan harapan untuk mendapatkan keuntungan pada masa hadapan;
- (h) "Suruhanjaya" maknanya Suruhanjaya Koperasi Malaysia

### **3. TUJUAN.**

- 3.1. Skim Pembiayaan Simpanan Khas ini bertujuan menyediakan kemudahan bagi anggota koperasi, pekerja Koperasi bagi mendapat pembiayaan untuk melabur di dalam Simpanan Khas

### **4. PENTADBIRAN**

Kumpulan Wang ini ditadbir oleh Jawatankuasa/satu unit yang dilantik oleh Lembaga di bawah undang-undang kecil 44(2)(w).

## 5. PELAKSANAAN

5.1. Segala pembiayaan ini hendaklah mematuhi kehendak syariat (shariah compliance)

## 6. HAD PEMBIAYAAN

6.1. Had pembiayaan adalah bermula dari RM5,000.00 sehingga RM100,000.00.

6.2. Had maksima Had maksima ini boleh diubah oleh Lembaga bergantung kepada keupayaan Tabung Simpanan Khas.

## 7. TEMPOH PEMBIAYAAN

7.1 Tempoh pembayaran balik adalah tidak melebihi enam puluh (60) bulan bagi pembiayaan skim ini yang berjumlah RM5,000.00 ke RM9,000.00,

7.2 lapan puluh empat (84) bulan bagi pembiayaan skim ini yang berjumlah RM10,000.00 ke RM14,000.00.

7.3 satu ratus dua puluh (120) bulan bagi pembiayaan skim ini yang berjumlah RM15,000.00 ke RM50,000.00.

## 8. KADAR KEUNTUNGAN

8.1. Kadar keuntungan Pembiayaan Pelaburan ialah **4.10%** setahun

## 9. JAMINAN

9.1. Sijil Simpanan Khas hendaklah dicagar bagi menjamin Pembiayaan Simpanan Khas tersebut.

## 10. KELAYAKAN.

10.1 Pembiayaan ini boleh diberikan kepada anggota Koperasi tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

10.1.1. merupakan kakitangan Universiti Malaysia Pahang;

10.1.2. telah menjadi anggota Koperasi ini dan telah membayar Modal Syer sekurang-kurangnya RM 100.00 dan telah mencarum dalam Modal Yuran sekurang-kurangnya RM20.00 sebulan; dan

10.1.3. berkemampuan, iaitu bayaran ansuran bulanan tidak melebihi enam puluh peratus (60%) daripada jumlah pendapatan

10.2 Pembiayaan ini boleh diberikan kepada Pekerja Koperasi tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

10.2.1 berkemampuan, iaitu bayaran ansuran bulanan tidak melebihi enam puluh peratus daripada jumlah pendapatan.

- 10.2.2 Berpendapatan tetap yang pada pendapatan jawatankuasa pentadbir yang dilantik mencukupi bagi menyertai rancangan ini.
- 10.2.3 Permohonan yang terpaksa ditolak sekiranya permohonan mereka melebihi had yang mereka layak meminjam atau permohonan mereka tidak disertakan dengan kenyataan-kenyataan yang cukup bagi menyokong akan permohonannya atau borang-borang tidak dilengkapi dengan sempurna, hendaklah diberitahu segera agar pembetulan-pembetulan dapat dibuat dan permohonan-permohonan itu dapat dipertimbangkan.

## **11. KELULUSAN PERMOHONAN**

- 11.1. Jawatankuasa hendaklah menimbangankan permohonan mengikut giliran pendaftaran yang dicatatkan pada borang permohonan.
- 11.2. Jawatankuasa bolehlah menimbangankan cadangan tempoh dan kaedah bayaran Balik pembiayaan atau mengenakan syarat-syarat tertentu bagi pembiayaan itu.
- 11.3. Kelulusan atau penolakan sesuatu permohonan kepada Skim Pembiayaan Simpanan Khas ini hendaklah dicatatkan di dalam Daftar Pengeluaran Pembiayaan.
- 11.4. Adalah menjadi kuasa muktamad Jawatankuasa untuk menolak sesuatu permohonan pembiayaan itu, menghadkan jumlah pembiayaan yang dipohon.
- 11.5. Anggota tidaklah boleh menuntut bahawa kemudahan Skim Pembiayaan Simpanan Khas ini sebagai satu daripada haknya.

## **12. PENANGGUHAN PEMBAYARAN BALIK**

- 12.1. Dalam keadaan-keadaan tertentu Lembaga atau Jawatankuasa boleh meluluskan penangguhan atau pengurangan sebarang ansuran pembiayaan. Tiada penangguhan ke atas sebarang ansuran pembiayaan boleh diberikan atas sebab sebarang perayaan. Di dalam sebarang tempoh di mana satu penangguhan ansuran pembiayaan diberikan, anggota hendaklah mengekalkan caruman bulanan Modal Yuran yang sama seperti terdahulu.

## **13. MENDAPATKAN BALIK HUTANG ATAU PEMBIAYAAN DENGAN SEGERA**

- 13.1. Keseluruhan jumlah pembiayaan atau baki pembiayaan hendaklah dibayar balik kepada Koperasi tanpa bertangguh-tangguh dan tanpa sebarang alasan jika didapati
  - (a) Penghutang berhenti atau diberhentikan daripada menjadi anggota
  - (b) Penghutang menggunakan pembiayaan bagi sebarang tujuan selain daripada tujuan yang dinyatakan semasa permohonan

(c) Kedudukan kewangan penghutang difikirkan meragukan

#### 14. AKIBAT KEGAGALAN MEMBAYAR BALIK

14.1. Dalam keadaan di mana seseorang anggota itu didapati gagal untuk membayar balik wang yang sepatutnya dibayar kepada Koperasi ini melalui Skim Pembiayaan Simpanan Khas, Lembaga Koperasi ini berhak memutuskan dalam satu mesyuaratnya supaya jumlah wang yang masih belum dibayar itu ditolak daripada wang anggota berkaitan yang ada dalam Simpanan Khas, Yuran dan Syer anggota berkenaan yang masih ada di Koperasi.

#### 15. PERTIKAIAN

15.1. Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran Aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya menurut undang-undang kecil 82 Koperasi ini.

#### 16. PINDAAN KEPADA ATURAN-ATURAN INI

16.1. Aturan-aturan ini hendaklah dibaca bersama Undang-undang kecil Koperasi dan Akta serta Peraturan-peraturan.

16.2. Lembaga Koperasi ini, dengan persetujuan Mesyuarat Agung dan Ketua Pendaftar Koperasi, bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam peraturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan skim ini.


Diakui inilah Aturan-aturan yang dibentangkan dan diterima oleh Mesyuarat Agung Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad pada 28 April 2015.



PENGERUSI



SETIAUSAHA



BENDAHARI



## **ATURAN SIMPANAN KHAS**

### **1. TAJUK**

- 1.1. Aturan ini hendaklah dinamakan ATURAN SIMPANAN KHAS Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad
- 1.2. Aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 9(3) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini pada 28 April 2015 dan dikemukakan kepada Suruhanjaya.

### **2. TAFSIRAN**

Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

- (a) 'Akta' maknanya Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007).
- (b) 'Anggota' maknanya anggota Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad.
- (c) 'Aturan' maknanya Aturan-aturan Pinjaman Pengguna (Al Bai'u Bithaman Aajil) Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad.
- (d) 'Koperasi' ertinya Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad
- (e) 'Lembaga' ertinya Lembaga Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad
- (f) 'Pekerja' maknanya pekerja Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad dan pekerja subsidiari Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad.
- (g) 'Pelaburan' ertinya menggunakan wang atau modal untuk membeli aset, syer atau sekuriti, dsb dengan harapan untuk mendapatkan keuntungan pada masa hadapan;
- (h) "Suruhanjaya" maknanya Suruhanjaya Koperasi Malaysia

### **3. TUJUAN.**

- 3.1. Skim Simpanan Khas ini bertujuan membolehkan anggota, pekerja koperasi membuat simpanan dalam koperasi bagi maksud untuk urusan pemberian pembiayaan pinjaman Koperasi melalui Tabung Simpanan Khas.
- 3.2. Simpanan Khas ini tidak boleh menjalankan lain-lain aktiviti pelaburan atau pemiagaan.

#### **4. HAD SIMPANAN**

- 4.1. Had minima simpanan khas ialah sebanyak RM1,000.00
- 4.2. Had maksima simpanan khas ialah sebanyak 20% daripada jumlah pelaburan dalam Tabung Simpanan Khas.

#### **5. TEMPOH SIMPANAN**

- 5.1. Tempoh minima bagi sesuatu simpanan khas melalui skim ini ialah satu (1) tahun.

#### **6. KEUNTUNGAN SIMPANAN**

- 6.1. Keuntungan skim simpanan khas ini diberi menurut nisbah 70% kepada anggota yang membuat simpanan dan 30% kepada Koperasi. Keuntungan ini dikira setelah ditolak perbelanjaan pengurusan dan tabung rizab (antara 10% hingga 25% daripada keuntungan sebelum pemberian dividen)

#### **7. PINDAHAN SIMPANAN**

- 7.1. Anggota boleh memindahkan kesemua atau sebahagian simpanan ini ke akaun Modal Syer atau/dan akaun Modal Yuran dengan syarat satu permohonan bertulis untuk pindahan ini dibuat kepada koperasi.

#### **8. PENGELUARAN DAN PEMBERHENTIAN**

- 8.1. Anggota boleh mengeluarkan semua atau sebahagian daripada simpanan dengan syarat pengeluaran dibuat setelah mencapai tempoh matang.

#### **9. PENTADBIRAN**

Kumpulan Wang ini ditadbir oleh Jawatankuasa/satu unit yang dilantik oleh Lembaga di bawah undang-undang kecil 44(2)(w).

#### **10. PELAKSANAAN**

- 10.1. Segala Aktiviti Tabung Simpanan khas ini hendaklah mematuhi kehendak syariat (shariah compliance)

#### **11. PERTIKAIAN**

- 11.1. Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran Aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya menurut undang-undang kecil 82 Koperasi ini.



## 12. PINDAAN KEPADA ATURAN-ATURAN INI

- 12.1. Aturan-aturan ini hendaklah dibaca bersama Undang-undang kecil Koperasi dan Akta serta Peraturan-peraturan.
- 12.2. Lembaga Koperasi ini, dengan persetujuan Mesyuarat Agung dan Ketua Pendaftar Koperasi, bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam peraturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan skim ini.


Diakui inilah Aturan-aturan yang dibentangkan dan diterima oleh Mesyuarat Agung Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad pada 28 April 2015



PENGERUSI



SETIAUSAHA



BENDAHARI